



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

1 Apr 2021 (Khamis)

Berita Harian

Sajat mungkin di luar negara 1

Utusan Malaysia

ECRL: Jajaran Selatan ditolak 2

Sajat mungkin di luar negara 3

66 bazar di Wilayah Persekutuan 4

KUIS, BeAna adn MATAH jain kerjasama 5

Harian Metro

Penerima Bitara 6

Kosmo

Selangor pertahan guna Jajaran Selatan Selangor projek ECRL 7

Sajat mungkin berada di luar negara 8

Sinar Harian

Sajat mungkin berada di luar negara 9

Kejuruteraan, Sains Hayat kekal relevan 10

Tanggung ECRL, Selangor kekal pendirian guna Jajaran Selatan 11

Bername Radio 24

ECRL: Selangor govt prefers southern alignment 12

Selangor TV

MB Saran PBT Permudah Permohonan Lesen Niaga Sementara 13

PBT Digalakkan Wujud Pusat Kitar Semula Berskala Besar 14

Persediaan Ramadan, EXCO Santuni Orang Asli Pulau Ketam 15

Pewaris Hargai Langkah Kerajaan Negeri Lindungi Ketua Kampung Dengan Insurans 16

Sultan Sukacita Kelulusan Pembinaan Hospital Awam Di Kapar 17

Usahawan HIJRAH Perlu Sahut Cabaran Teroka Pasaran Baharu 18

The Star

Braille books for library in PJ 19

CLEAN TOILET CONTEST 20

MPK to set up history, heritage research hub 21

PHOTO COMPETITION 22

Bukit Tampoi Orang Asli community gets food aid from Selangor govt 23

The Sun

UPHILL TASK 24

The Edge CEO Morning Brief

ECRL: Selangor govt prefers southern alignment, says Amiruddin 25

Traxx FM (90.3)

ECRL: Selangor govt prefers southern alignment 26

Sin Chew Daily

MB: Having completed the route planning, land acquisition and etc, Selangor insisted that 27



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Appropriation of RM95,000 to upgrade is completed, The basketball court in Taman Putri Jaya has a new lookt28he ECRL use the southern route Happy to see Kapar build a new hospital,	29
Selangor Sultan looks forward to upgrading suburban medical facilities Royal College of Surgeons in Ireland,	30
Students receive Selangor RM1.1 million scholarship	
Nanyang Siang Pau	
JAS Selangor Chief : RM10k fine for damaging environment is very reasonable	31
MBPJ: "Door to door" enlarged until 8 areas; Aim recycle 8 tons resource per days.	32
Guang Ming Daily	
Selangor MB: The preliminary work has been completed, ECRL must return back to south line	33



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

1 April 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sajat mungkin di luar negara
Muka Surat	:	17

Sajat mungkin di luar negara

Polis terus siasat usahawan berdepan waran tangkap kes JAIS

Oleh Mohd Amin Jalil
 bhnews@bh.com.my

Nilai: Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang menyiasat kemungkinan usahawan kosmetik kontroversi, Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman atau dikenali sebagai Nur Sajat berada di luar negara.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, berkata pihaknya tidak menolak kemung-

kinan Muhammad Sajjad berada di luar negara, namun pemantauan sedang dilakukan.

"Ada laporan mengatakan dia (Muhammad Sajjad) berada di luar negara, polis masih terus memantau.

"Kes ini sebenarnya di bawah Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor, namun kes ini juga masih dalam tindakan kita," katanya pada sidang media selepas merasmikan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Nilai di

sini, semalam.

Muhammad Sajjad, 36, mencebaskan kontroversi baru-baru ini apabila memuat naik video mahu keluar daripada Islam selepas menghilangkan diri susulan waran tangkap dikeluarkan mahkamah terhadapnya berhubung kes dikendalikan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) mengikut Seksyen 10, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor.

Dalam entri terbarunya pula, Muhammad Sajjad menafikan dirinya bersembunyi seperti dilaporkan sebelum ini, malah turut mengesahkan dia masih kekal dengan agama Islam.

"Buat apa nak jadi pelarian, masa bila saya menyorok...saya bukan menyorok, tetapi hanya mendiamkan diri daripada media sosial Instagram.

"Pihak polis tidak mencari saya kerana mereka mempunyai urusan yang lebih penting berbanding saya," katanya dalam rakaman yang tidak mendedahkan wajahnya itu.

Januari lalu, Muhammad Sajjad mengaku tidak bersalah terhadap satu pertuduhan menyebarkan agama Islam dipandang hina dengan cara dirinya seorang lelaki yang berpakaian menyerupai wanita selepas pertuduhan dibacakan di hadapan



Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman

Hakim Syarie Mohamad Khalid Shae @ Shaii.

Pada 23 Februari lalu, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam mengeluarkan waran tangkap terhadap Muhammad Sajjad kerana gagal menghadiri diri pada sebutan semula kesnya tanpa sebarang sebab.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
1 April 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	ECRL: Jajaran Selatan ditolak
Muka Surat	:	13

ECRL: Jajaran Selatan ditolak

Oleh **MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS**
 utusannews@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor mendakwa kerajaan Persekutuan yang tidak mahu membangunkan pelan Jajaran Selatan Selangor melalui Hulu Selangor-Sepang-Westport bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), menyebabkan projek itu tergendala.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, jajaran tersebut telah dipersetujui ketika pemerintahan Pakatan Harapan (PH) sebelum ini, malah kerajaan negeri telah melengkapkan kajian pengambilan tanah, nama stesen dan beberapa aspek lain.

Bagaimanapun, katanya, pada Julai dan Ogos lalu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Wee Ka Siong telah mengumumkan untuk menggunakan Jajaran Utara Selangor (Gombak-Serendah-Pelabuhan Klang) bagi projek tersebut.

"Kementerian Pengangkutan mengemukakan pelan Jajaran Utara sedangkan kita melengkap-



kan kajian Jajaran Selatan. Kita tidak melengahkan projek ECRL seperti didakwa Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), Tan Sri Zuki Ali," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis Penyerahan Surat

Tawaran Biasiswa Khas Dato' Menteri Besar Selangor dan Biasiswa Selangor Bitara di Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK) Selangor, di sini hari ini.

Isnin lalu, Zuki berkata, kerajaan menanggung kerugian se-

banyak RM1.25 juta setiap hari disebabkan keputusan kerajaan Selangor yang tidak bersetuju menggunakan jajaran utara.

Menurutnya, penangguhan persetujuan Selangor akan dibawa ke mesyuarat Kabinet dalam masa terdekat supaya satu keputusan boleh dicapai.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, isu pengambilan tanah dan pemindahan penduduk terutama penduduk Kampung Keretapi, Ijok perlu dilakukan sekiranya MRL masih bertegas mahukan jajaran utara.

Jelas beliau, kos pembinaan jajaran selatan lebih murah sebanyak RM5.4 bilion berbanding jajaran utara.

"Malah jajaran selatan dapat melindungi Lembangan Sungai Selangor yang merupakan salah satu sumber bekalan air utama kepada 60 peratus daripada 1.4 juta akaun pengguna air di Selangor dan Kuala Lumpur.

"Saya harap Pengerusi MRL perlu jujur dengan kenyataan yang dibuatnya dan kerajaan negeri bertegas untuk membangunkan jajaran selatan," tegasnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

1 April 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sajat mungkin di luar negara
Muka Surat	:	29

Sajat mungkin di luar negara

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
 badrul.isa@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Polis akan terus mengambil langkah mengesan usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman yang kini menghilangkan diri termasuk kemungkinan 'bersembunyi' di luar negara.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, pemantauan terhadap pergerakan Muhammad Sajjad yang lebih dikenali sebagai Sajat itu akan terus dilakukan termasuk dengan kerjasama polis Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

"Tindakan masih diambil untuk mengesan dia, ada berita



Tindakan masih diambil untuk mengesan dia, ada berita mengatakan dia berada di luar negara tapi kita masih memantau."

DATUK HUZIR MOHAMED

mengatakan dia berada di luar negara tapi kita masih memantau.

"(Kes) Sajat adalah sebenarnya kerjasama di antara pihak

Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor dengan JAIS, ia masih dalam tindakan kita," katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan majlis perasmian Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Nilai dekat sini semalam.

Yang hadir sama Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop.

Kelmarin, Sajat menerusi rakaman 'live' di akaun Instagram miliknya menafikan bersembunyi sebaliknya hanya mendiamkan diri daripada media sosial Instagram malah mengatakan pihak polis tidak mencarinya kerana mempunyai urusan yang lebih penting.

Pada 23 Februari lepas, usahawan kosmetik itu dikenakan waran tangkap oleh Mahkamah

Tinggi Syariah Shah Alam kerana tidak hadir sebutan semula kes berhubung dakwaan menghinakan Islam.

Dalam perkembangan lain, Huzir berkata, kes jenayah di negara ini pada tahun lalu telah menunjukkan penurunan sehingga 24 peratus berbanding tahun sebelumnya dan antara faktornya adalah didorong pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Tentulah semasa kita dalam PKP, pergerakan terhad, kehadiran begitu ramai anggota penguat kuasa seperti polis dan Angkatan Tentera Malaysia dan lain-lain agensi yang berada di merata-rata tempat merupakan faktor kejadian jenayah kurang berlaku," katanya.



KERATAN AKHBAR

1 April 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	66 bazar di Wilayah Persekutuan
Muka Surat	:	30



BAZAR Ramadan tahun ini perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang lebih ketat bagi membendung penularan jangkitan Covid-19.

66 bazar di Wilayah Persekutuan

Oleh **ZAREEN HUMAIRAH**
SEJAHAN dan MOHD. FADHLI
SULAIMAN
 zareen.hs@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan lebih 60 lokasi bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri di Wilayah Persekutuan.

Datuk Bandar DBKL, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata, lokasi-lokasi tersebut adalah lokasi bazar yang telah dilulus sejak tahun lalu.

“Oleh itu, pihak DBKL akan menyelaraskan pelaksanaan bazar tahun ini berdasarkan SOP yang telah ditetapkan MKN. Lokasi bazar ini adalah yang telah diluluskan pada tahun lepas, namun, terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya berikutan penularan virus

Covid-19.

“Perkara ini melibatkan 66 lokasi iaitu tiga di bawah penganjuran DBKL dan 63 di bawah pihak persatuan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Bagi Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru, **Ng Sze Han**, pihaknya masih menerima banyak permohonan baharu daripada golongan peniaga.

“Permohonan masih banyak seperti dulu dan Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan SOP seperti yang diperuntukkan MKN.

“Bagaimanapun, kapasiti peniaga dan pengunjung akan diatur berdasarkan kesesuaian tapak masing-masing,” katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, bagi bazar

Ramadan, dijangkakan seramai 2,233 peniaga bakal mendapat tempat di 47 lokasi di seluruh Wilayah Persekutuan.

Presiden Persatuan dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Rosli Sulaiman** berkata, sukar untuk menerima pendaftaran baharu di bazar kerana pihaknya memberi keutamaan kepada peniaga yang telah mendaftar sejak setahun lalu.

“Sebanyak 2,233 peniaga yang tidak menarik semula deposit pembayaran tapak bazar daripada tahun lalu akan diberikan tempat di 47 lokasi bazar yang telah ditetapkan.

“Dengan penjarakan fizikal iaitu satu meter antara gerai membuatkan jumlah tapak terhad dan tidak ramai peniaga boleh dimuatkan dalam setiap bazar itu,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

1 April 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	KUIS, BeAna adn MATAH jalin kerjasama
Muka Surat	:	42



KUIS, BeAna dan MATAH jalin kerjasama

KOLEJ Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama BeAna Home Quran Sdn. Bhd (BeAna) dan Maahad Tahfiz Al-Hidayah (MATAH) di Dewan Senat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, Kajang baru-baru ini.

Kerjasama MoU antara KUIS dan BeAna untuk tempoh lima tahun adalah tertumpu kepada bidang kepakaran akademik khususnya dalam bidang al-Quran, fardu ain, hafazan dan Bahasa Arab, program penyelidikan, latihan industri dan juga dalam apa-apa bidang lain

yang akan dipersetujui kelak oleh kedua pihak.

Kerjasama MoU di antara KUIS dan MATAH pula lebih tertumpu kepada bidang latihan dan pendidikan iaitu pemeraksanaan tingkat akademik pelajar tahfiz dan memvariasikan pengalaman pengajaran staf akademik di MATAH melalui program-program bersifat akademik dan penyelidikan.

■ KUIS menandatangani MoU bersama BeAna dan MATAH di Dewan Senat kolej itu di Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/
NORHAYATI YAHAYA



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

1 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Penerima Bitara
Muka Surat	:	24

Penerima Bitara



PENERIMA Biasiswa Selangor Bitara, Emir Haady Zulkharnain, 18, (tengah) yang juga penuntut jurusan perubatan di Royal Collage of Surgeons Ireland hadir bersama ibu bapanya Datuk Seri Dr Zulkharnain Ismail (kiri) dan Datin Seri Dr Noraini Abdul Jalil (kanan) pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Biasiswa Khas Datuk Menteri Besar dan Biasiswa Selangor Bitara yang disampaikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, semalam.



KERATAN AKHBAR

1 April 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Selangor pertahan guna Jajaran Selatan Selangor projek ECRL
Muka Surat	:	6

Selangor pertahan guna Jajaran Selatan Selangor projek ECRL

SHAH ALAM – Kerajaan negeri mempertahankan keputusannya untuk membangunkan pelan Jajaran Selatan Selangor (Hulu Selangor-Sepang-Westport) bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) semalam.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, Kerajaan Pusat ketika itu dipimpin bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah bersetuju membangunkan jajaran berkenaan.

"Kita (kerajaan negeri) telah melengkapkan kajian pengambilan tanah, nama stesen dan beberapa aspek lain di jajaran selatan.

"Namun, Menteri Pengangkutan ketika ini (Datuk Seri Wee Ka Siong) pada bulan Julai dan Ogos lalu mengumumkan untuk menggunakan Jajaran Utara Selangor (Gombak-Serendah-Pelabuhan Klang) pula bagi projek tersebut," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, beliau menyempurnakan penyerahan surat Tawaran Biasiswa Khas Dato' Menteri Besar Selangor dan Biasiswa Selangor Bitara di Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK) Selangor.

Amirudin memberitahu, isu

pengambilan tanah dan pemindahan penduduk terutama penduduk Kampung Keretapi, Ijok dekat sini perlu dilakukan sekiranya Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) masih bertegas mahukan jajaran utara.

Tegas beliau, kos pembinaan jajaran selatan lebih murah sebanyak RM5.4 bilion berbanding jajaran utara.

"Malah jajaran selatan dapat melindungi Lembagan Sungai Selangor yang merupakan salah satu sumber bekalan air utama kepada 60 peratus daripada 1.4 juta akaun pengguna air di Selangor dan Kuala Lumpur.

"Jadi saya harap Pengerusi MRL (Tan Sri Zuki Ali) perlu jujur dengan kenyataan yang dibuatnya dan kerajaan negeri bertegas untuk membangunkan jajaran selatan," tegasnya.

Isnin lalu, Zuki berkata, Kerajaan Pusat menanggung kerugian sebanyak RM1.25 juta setiap hari disebabkan keputusan kerajaan Selangor yang tidak bersetuju menggunakan jajaran utara.

Menurutnya, penangguhan persetujuan Selangor akan dibawa ke mesyuarat Kabinet dalam masa terdekat supaya satu keputusan boleh dicapai.



JAJARAN Selangor Selatan ECRL akan melalui Sepang-West Port, manakala Jajaran Utara pula akan melalui Gombak-Serendah-Pelabuhan Klang.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
1 April 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sajat mungkin berada di luar negara
Muka Surat	:	8

Sajat mungkin berada di luar negara



MUHAMMAD SAJJAD

Oleh **NOR SHAFAWATI YUP**

SEREMBAN – Usahawan kosmetik kontroversi Nur Sajat atau nama sebenarnya Muhammad Sajjad Kamaruzzaman kemungkinan berada di luar negara selepas dikatakan menghilangkan diri sejak waran tangkap ke atasnya dikeluarkan 23 Februari lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, usaha mengesan Nur Sajat sedang diteruskan dengan kerjasama pihak polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

“Tindakan masih diambil untuk kesan Sajat, ada berita menyatakan dia berada di luar negara dan kita masih lagi melakukan pemantauan.

“Dalam kes Sajat, kerjasama di antara pihak IPK Selangor dengan JAIS masih dalam tindakan kita,” katanya pada sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Nilai di sini semalam.

Sebelum ini, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam mengeluarkan waran tangkap ke atas usahawan tersebut selepas dia gagal hadir prosiding sebutan semula pertuduhan berpakaian

menyerupai wanita sehingga menyebabkan agama Islam dipandang hina pada 23 Februari lalu.

Sajat menerusi rakaman ‘live’ di akaun Instagram miliknya baru-baru ini menafikan bersembunyi daripada pihak berkuasa dan JAIS sebaliknya hanya mendiadakan diri daripada media sosial Instagram, malah mengatakan pihak polis tidak mencarinya kerana mempunyai urusan yang lebih penting.

Semalam, *Kosmo!* melaporkan Nur Sajat merupakan antara tiga individu yang kini menjadi tumpuan pihak berkuasa tempatan kerana mempunyai waran

tangkap ekoran gagal hadir ke mahkamah.

Selain Nur Sajat dua lagi individu tersebut ialah pengasas Sugarbook, Chan Eu Boon, 34, dan ketua sindiket pengubahan wang haram terbesar, Datuk Seri Nicky Liow Soon Hee, 33.

Dalam pada itu, Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed berkata, waran tangkap terhadap Eu Boon yang gagal menghadiri sebutan semula kes di Mahkamah Majistret di sini, minggu lalu, ditarik semula.

“Penarikan itu selepas Eu Boon didapati hadir di mahkamah sama pada 26 Mac lalu,” jelasnya.



KERATAN AKHBAR

1 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sajat mungkin berada di luar negara
Muka Surat	:	18

Sajat mungkin berada di luar negara

NILAI - Usahawan Kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman atau lebih dikenali sebagai Nur Sajat berkemungkinan kini berada di luar negara.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, polis Selangor dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) tidak pernah berhenti mengesan lokasi sebenar Nur Sajat.

“Jika tidak silap saya, telah dinyatakan yang dia berada di luar negara. Ada berita nyatakan dia ada di luar negara.

“Tapi, kita masih lagi memantau dia,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Ibu Pejabat Polis Daerah Nilai di sini pada Rabu.



NUR SAJAT

Ditanya berkenaan kenyataan Nur Sajat yang polis tidak mencarinya kerana mempunyai urusan yang lebih penting, Huzir enggan mengulas lanjut namun menegaskan kes berkenaan masih dalam tindakan polis.

Baru-baru ini, Nur Sajat menerusi rakaman *live* di Instagram miliknya menafikan bersembunyi daripada JAIS dan pihak berkuasa.

“Masa bila kita nak jadi pelarian, buat apa nak jadi pelarian, masa bila saya menyorok dan saya bukan menyorok tetapi hanya mendiamkan diri daripada media sosial Instagram.

“Pihak polis tidak mencari saya kerana mereka mempunyai urusan yang lebih penting berbanding saya,” katanya menerusi *live* tersebut.



KERATAN AKHBAR		
1 April 2021		
Akbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kejuruteraan, Sains Hayat kekal relevan
Muka Surat	:	19



Graduan UNISEL diiktiraf di peringkat dunia

Oleh HASRIL ABU HASSAN

Ikuti temubual bersama Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Sains Hayat Universiti Selangor (UNISEL), Profesor Madya Dr Fridelina Sjahrir.

Boleh Dr kongsi serba sedikit latar belakang dan pengalaman sepanjang berkhidmat di UNISEL?

Saya memulakan perkhidmatan di UNISEL pada Jun 2001 sebagai tutor. Perkembangan kerjaya saya daripada tutor sehingga ke jawatan sekarang dan menyanggah pelbagai jawatan pentadbir di UNISEL telah memberikan pengalaman yang tidak ternilai kepada saya. Atas rasa sayang dan kepercayaan saya kepada universiti ini, saya menyambung pengajian PhD di sini. Saya menyambung graduan sulung Doktor Falsafah Bioteknologi bersama seorang rakan karib saya, Profesor Madya Dr Maegala.

Setelah hampir 20 tahun berkhidmat di sini, saya dapat melihat UNISEL berkembang daripada sebuah kampus yang beroperasi di bangunan kedai sehinggalah ke kampus Bestari Jaya yang serba indah ini. Selaku kakitangan terawal berkhidmat, saya banyak terlibat dalam jawatankuasa pembangunan prosedur, polisi dan sebagainya bersama-sama seorang lagi rakan karib saya di UNISEL iaitu Profesor Madya Dr Hasliida. Saya juga melihat perpindahan UNISEL ke Kampus Bestari Jaya, konvokesyen pertama, penjenamaan semula Universiti Industri Selangor ke Universiti Selangor, keterlibatan dalam mendapatkan akreditasi program, pembinaan fakulti baru dan penggabungan

fakulti yang mana menjadi kenangan yang sentiasa terpahat dalam ingatan.

Boleh Dr nyatakan program-program yang ditawarkan di Fakulti Kejuruteraan dan Sains Hayat ini dan apakah kelebihan program yang ditawarkan ini?

Fakulti Kejuruteraan dan Sains Hayat (FKSH) pada ketika ini menawarkan 21 program berteraskan kedua-dua bidang (Kejuruteraan dan Sains Hayat) bermula di peringkat diploma sehingga ke Doktor Falsafah. Alhamdulillah, hampir kesemua program di FKSH telah mendapat akreditasi sepanjang hayat daripada MQA. Program yang ditawarkan ialah Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Bioteknologi, Bioinformatik, Matematik dan Statistik serta Teknologi Industri. Selain pengiktirafan daripada MQA, program kejuruteraan FKSH juga mendapat akreditasi dari EAC (Engineering Accreditation Council) yang memberi kelebihan kepada graduan program tersebut diiktiraf oleh

sebahagian besar negara di dunia. Kesemua program ini sentiasa membuat kajian semula kurikulum dan penanda aras dengan program yang sama daripada institusi pengajian tinggi (IPT) lain yang lebih.

Selain itu, pelajar program ini turut dilengkapkan dengan kemahiran insaniah yang menjadikan graduan program ini agak ke hadapan dari segi kemahiran komunikasi, kepimpinan, mempunyai daya pemikiran yang kritis dan analitik.

Mereka juga didedahkan dengan perkembangan terkini industri hasil hubungan baik yang dibina oleh fakulti dan pihak industri yang berkaitan. Ini menjadikan graduan program ini lebih diterima di industri kerana kelebihan yang dimiliki oleh mereka berbanding graduan program yang sama dari insti-

Kejuruteraan, Sains Hayat kekal relevan



tusi pendidikan tinggi lain.

Rata-rata mahasiswa sekarang kurang cemerlang dari segi kemahiran kerana tertumpu lebih kepada teori. Bolehkah Dr berikan komen?

Secara umumnya, situasinya sekarang memang begitu. Tetapi saya yakin dengan era *digital learning* ini, ilmu dan kemahiran dapat berjalan dengan selari. Generasi sekarang juga terdedah dengan pelbagai kaedah mendapatkan ilmu. Buat masa ini, perubahan sains dan teknologi berkembang pesat dan mahasiswa sekarang peka akan perkembangan tersebut. Kemahiran boleh dipertingkatkan dengan pelbagai kaedah pengajaran yang berteraskan keperluan industri serta dibantu dengan suntikan elemen Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Program pengajian yang dibina menepati keperluan industri dan mengandungi elemen TVET ini akan memberi manfaat kepada mahasiswa untuk mempertingkatkan kemahiran masing-masing.

Dunia kini berada di Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Kenapa pentingnya bidang Sains Hayat?

IR 4.0 secara tidak langsung mengubah cara kehidupan dan pekerjaan semasa ke arah hasil yang lebih baik. Pengerusi Eksekutif World Economic Forum (WEF) menerangkan tiga domain utama yang memacu IR 4.0 iaitu fizikal, digital dan biologi yang merentasi sembilan teras utama. Situasi pandemik Covid-19 telah menunjukkan kepentingan bidang Sains Hayat yang boleh dipertingkatkan dalam era IR 4.0 untuk kepentingan sejagat.

Pembinaan peralatan analisis berteknologi tinggi yang membolehkan keputusan dapat dikeluarkan segera, tepat tanpa ralat dan dapat mencerpap data pada tahap kehadiran virus/mikroorganisma dalam peratusan yang sangat kecil sehingga ke peringkat saiz nano adalah amat diperlukan.

Bagaimana pula dengan bidang kejuruteraan? Adakah ia masih relevan dan apa yang perlu dilakukan agar bidang ini supaya sentiasa kekal relevan?

Bidang kejuruteraan, sains dan teknologi tetap kekal relevan dari dulu sehingga akhir dunia. Ketamadunan manusia dan kemunculan dinasti hebat dunia adalah berasaskan kepada kekuatan ilmu di dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi pada masa itu. Kita dapat lihat bagaimana China dan Korea yang terus maju hasil dari kekuatan dan pengetahuan mereka di dalam bidang ini yang menghasilkan produk yang lebih baik, berteknologi tinggi, mesra pengguna berbanding produk yang sama keluaran dari negara barat. Untuk kekal relevan, amalan untuk sentiasa mengkaji, menguji, menambahbaik sehingga mencapai tahap terbaik perlu sentiasa ada. Ketiga-tiga amalan ini sentiasa wujud di dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi.

Harapan dan sedikit pesanan buat mereka yang berminat untuk melanjutkan pengajian di UNISEL?

Harapan saya kepada pelajar yang masih belum memikirkan bidang yang bakal diceburi untuk kerjaya mereka, bidang kejuruteraan, sains dan teknologi bukanlah bidang yang perlu dijauhi dan dielakkan. Kemajuan sesuatu negara da bangsa adalah bersandarkan kepada kekuatan ilmu dalam bidang ini yang dimiliki oleh rakyatnya. Dengan trend bilangan pelajar yang mengambil bidang sains yang menurun akan mengakibatkan kesan yang sangat teruk kelak.

Apakah kita mahu melihat pada 20 tahun yang akan datang, semua doktor, jurutera dan saintis di negara ini bukan dari rakyat Malaysia sehingga perlu mengimport tenaga kerja dalam bidang ini dari negara-negara lain untuk memenuhi keperluan negara.

Berdasarkan profil graduan FKSH, bimbingan yang diberikan telah melahirkan pekerja yang menjadi rebutan majikan dan industri. Ramai yang menjadikan peluang melanjutkan pengajian di UNISEL setelah gagal mendapatkan tempat di IPTA sebagai satu peluang keemasan yang membantu mereka mencapai cita-cita dan kerjaya di bidang yang diminati. Mereka bukan sahaja setanding dengan graduan dari IPTA, malah lebih baik dan menjawat jawatan yang hebat, disegani dalam bidang masing-masing, membuka syarikat yang berjaya dan terkenal.



KERATAN AKHBAR

1 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Tanggung ECRL, Selangor kekal pendirian guna Jajaran Selatan
Muka Surat	:	23

Tanggung ECRL, Selangor kekal pendirian guna Jajaran Selatan

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor kekal dengan pendirian untuk menggunakan Jajaran Selatan (Hulu Langat-Sepang-Westport) bagi pembinaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di negeri ini.

